Unsur Perlambangan dalam Peribahasa Melayu: Satu Analisis Teori Relevans

Rozaimah Rashidin & Noriza Daud

ABSTRAK

Kajian ini melihat dan membezakan bentuk-bentuk perlambangan yang digunakan untuk melambangkan imej lelaki dan wanita dalam peribahasa Melayu serta meninjau dan membuktikan secara tepat sama ada wujud unsur seksisme yang ketara antara imej lelaki dengan wanita dalam peribahasa Melayu. Data-data dalam kajian ini diambil daripada CD-ROM Tikaman Bahasa (Siri Koleksi Warisan) *yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2002. Teori yang digunakan dalam kajian ialah Teori Relevans yang menggandingkan ilmu semantik dan pragmatik yang dipelopori oleh Sperber dan Wilson (1986). Berdasarkan contoh-contoh perlambangan yang terdapat dalam peribahasa yang telah dianalisis, didapati bahawa terdapat dua jenis perlambangan, iaitu perlambangan yang berkonotasi positif dan perlambangan yang berkonotasi negatif. Selain itu, perlambangan-perlambangan tersebut telah dikategorikan kepada alatan, haiwan, tumbuhan dan orang atau gelaran. Unsur seksisme wujud dalam maksud peribahasa Melayu. Namun begitu, bagi perlambangan yang digunakan dalam sesuatu peribahasa, unsur seksisme tidak begitu ketara dan didapati agak seimbang dalam menggambarkan imej lelaki dan wanita. Masyarakat Melayu ternyata mampu menggunakan alam persekitaran dan pengalaman hidup mereka dalam membina dan memilih perlambangan yang sesuai dalam sesuatu peribahasa. Hal ini membuktikan bahawa, masyarakat Melayu merupakan sebuah masyarakat yang kreatif kerana dapat menyesuaikan perlambangan yang dikaitkan dengan persekitaran kognitif mereka.*

***Kata kunci**: Bentuk perlambangan, unsur seksisme, teori relevans, peribahasa, masyarakat Melayu.*

Pengenalan

Linguistik ialah disiplin yang meneliti bahasa secara saintifik dan sosiolinguistik dianggap sebagai satu bidang disiplin linguistik. Bidang ini

Bab 7.pmd 165 10/6/2009, 3:16 PM

meneliti segala aspek hubungan antara bahasa dengan masyarakat. Kajian menitikberatkan hubungan antara struktur bahasa dengan struktur masyarakat, iaitu linguistik dari sudut kebudayaan, pengguna, dan penggunaan bahasa serta latar belakang masyarakat (Mohd Afif: 1998).

Holmes (2001) mengatakan bahawa:

> "*…sosiolinguistic study the relationship between language and society. They are interested in explaining why we speak differently in different social contexts, and they are concerned with identifying the social functions of language and the way it is used to convey social meaning*".

Secara umumnya, sosiolinguistik ditakrifkan sebagai satu bidang dalam disiplin linguistik yang meneliti segala aspek yang berkenaan hubungan antara bahasa dengan masyarakat. Salah satu subbidang yang terdapat dalam sosiolinguistik ialah persoalan bahasa dan jantina. Persoalan bahasa dan jantina telah menjadi satu isu yang cukup menarik perhatian dan minat para ahli sosiolinguistik. Fasold (1984) mengatakan bahawa salah satu isu yang hangat dibincangkan oleh ahli sosiolinguistik ialah persoalan bahasa dan jantina.

Variasi jantina yang wujud dalam bahasa disebabkan oleh perbezaan sosial. Menurut Trudgill (1978):

> Variasi bahasa berdasarkan jantina timbul kerana bahasa sebagai satu gejala sosial amat rapat hubungannya dengan sikap sosial. Lelaki dan wanita berbeza dari segi peranan sosial yang telah ditetapkan oleh masyarakat, dengan itu masyarakat juga mengharapkan perlakuan yang berbeza daripada mereka. Perbezaan ini digambarkan oleh bahasa.

Pada suatu ketika dahulu, ahli linguistik menyumbangkan huraian tentang perbezaan kod dalam pertuturan lelaki dan wanita, tetapi sejak beberapa tahun kebelakangan ini, seksisme dalam bahasa menarik minat ahli bahasa untuk mengkajinya. Seksisme didefinisikan sebagai sikap diskriminasi yang berdasarkan jantina, terutamanya sikap memandang rendah terhadap kaum wanita (oleh kaum lelaki) (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005: 1416). Bahasa seksis tidak sahaja sebagai gambaran seksisme dalam masyarakat tetapi juga sebagai satu bentuk tingkah laku sosial.

Menurut Roksana (1998), bahasa seksis ialah bahasa yang membayangkan "bias" atau sikap berat sebelah terhadap sesuatu genus. Pada kebiasaannya, sikap ini lebih cenderung kepada sikap tidak adil terhadap kaum wanita dan lebih mengutamakan kaum lelaki. Bahasa

Bab 7.pmd 166 10/6/2009, 3:16 PM

seksis juga mempunyai beberapa ciri, iaitu bahasa yang memperlakukan atau menganggap kaum wanita dan kaum lelaki tidak semetri atau sama taraf, bahasa yang mengabaikan kaum wanita, bahasa yang mengutuk atau mengecam kaum wanita dan bahasa yang menstereotaipkan golongan wanita (sebagai golongan yang lemah, golongan yang harus berada di dapur atau sebagai suri rumah dan sebagainya). Roksana juga mengatakan, contoh unsur seksis dalam bahasa Melayu adalah seperti di dalam peribahasa. Roksana berpendapat bahawa setiap kali wanita atau perkara-perkara yang berhubung kait dengan wanita digunakan untuk membentuk peribahasa, makna sebenar yang terkandung dalam peribahasa itu kebanyakannya mempunyai komponen makna yang negatif atau yang merendah-rendahkan martabat wanita.

Peribahasa timbul bersama-sama masyarakat daerah atau kampung. Menurut kebiasaan lama masyarakat Melayu, berbicara secara terus-terang dalam sesuatu perkara dianggap kurang sopan, perbuatan yang kurang manis dan melanggar adat (Darus: 1974). Maka mereka berbicara secara berkias dan beribarat menggunakan peribahasa. Abdullah (1975) telah menyenaraikan tiga sumber asal usul peribahasa dalam masyarakat Melayu, iaitu:

1. Rakyat jelata yang mencipta peribahasa melalui pengalaman hidup
2. Orang-orang arif bijaksana, yang mengeluarkan ungkapan kata-kata hasil daripada renungannya
3. Kitab suci

Dalam peribahasa Melayu, terkumpul banyak aspek hidup. Banyak peribahasa Melayu yang mengambil lambang alam sekeliling untuk memberi makna yang padat dan tepat, yang terbit daripada pengalaman, pemerhatian dan pandangan tajam. Selain itu, peribahasa juga dibentuk dengan menggunakan lambang daripada keadaan yang terdapat dalam sesebuah masyarakat (Ishak 1990).

Kajian ini bertujuan untuk melihat dan membezakan bentuk-bentuk perlambangan yang digunakan untuk melambangkan imej lelaki dan wanita dalam peribahasa Melayu serta meninjau dan membuktikan secara tepat sama ada terdapat unsur seksisme yang ketara antara imej lelaki dengan wanita dalam peribahasa Melayu. Data-data dalam kajian ini diambil daripada CD-ROM *Tikaman Bahasa* (*Siri Koleksi Warisan*) yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2002. CD-ROM ini mengandungi 2,249 buah peribahasa dalam bentuk multimedia yang merupakan salah satu warisan persuratan Melayu hasil karya pujangga lama yang bernilai. Banyak pedoman dan kata nasihat

Bab 7.pmd 167 10/6/2009, 3:16 PM

yang terkandung di dalamnya. Teguran dan kata nasihat yang disampaikan secara tersirat itu boleh dijadikan renungan serta iktibar.

Tikaman Bahasa mempunyai 11 bab tentang peribahasa yang berkaitan dengan pelbagai budaya masyarakat Melayu. Untuk kajian ini, hanya dua bab sahaja yang dipilih, iaitu Bab 2 dan Bab 8 yang jelas mempunyai unsur-unsur gender. Setiap data yang dijadikan bahan kajian ditandakan mengikut bilangan seperti yang tersenarai dalam CD-ROM. Bab 2 mengandungi beberapa fasal, iaitu fasal laki isteri, fasal berkasih-kasihan dan nikah kahwin, fasal pencabulan dan penceraian, fasal ibu bapa dan anak-anaknya dan fasal bersaudara dan kaum keluarga. Seterusnya Bab 8 pula berkenaan fasal kelakuan dan perangai dan gerak-geri, fasal sifat-sifat rupa dan keadaan, fasal pertuturan bahasa dan bunyi suara dan fasal perkara yang padan, sesuai dan serupa akas-akasnya.

Dalam kajian ini, pendekatan yang diusahakan oleh Dell Hymes (1974) akan digunakan. Mengikut Hymes, skop sosiolinguistik dihubungkan dengan bahasa sebagai komunikasi atau alat komunikasi. Dengan ini, Hymes melihat bahasa sebagai tidak terpisah daripada sistem-sistem sosial dan budaya lain yang beroperasi dalam sesebuah masyarakat. Beliau menggunakan perkaedahan yang diberi nama etnografi komunikasi. Etnografi komunikasi ialah penghuraian saintifik terhadap cara atau amalan berbahasa sesebuah masyarakat yang memberi perhatian kepada pelbagai faktor bukan bahasa, yakni sosial yang didapati mempengaruhi sesebuah komunikasi itu (Teo: 1998).

Kajian ini diperkukuh dan diperkuatkan lagi dengan satu teori yang dapat menghurai dan menganalisis dengan tuntas tentang imej wanita dan lelaki dalam peribahasa Melayu. Teori yang dimaksudkan ialah Teori Relevans yang menggandingkan ilmu semantik dan pragmatik yang dipelopori oleh Sperber dan Wilson (1986). Melalui Teori Relevans ini, apa yang bakal dicungkil ialah bagaimana pemilihan perkataan pada peribahasa itu dapat membantu kita yakin dengan makna yang diberikan. Dengan kata yang mudah, bagaimanakah masyarakat Melayu boleh mengaitkan pemilihan perkataan pada peribahasa dengan maksud peribahasa itu sendiri.

Teori Relevans menekankan tiga gagasan utama, iaitu konteks, kesan konteks dan usaha memproses maklumat. Tiga gagasan ini kadangkala dibantu oleh subgagasan seperti pengayaan, pemilihan rujukan dan penyahtaksaan maklumat bagi melicinkan penginterpretasian makna.

Jelas bahawa, Teori Relevans dapat diterapkan dalam menganalisis peribahasa Melayu. Apa yang diharapkan ialah, analisis saintifiknya akan dapat menyingkap apa yang tersirat di sebalik apa yang tersurat dalam

Bab 7.pmd 168 10/6/2009, 3:16 PM

peribahasa Melayu. Penyingkapan ini secara tidak langsung mampu menyerlahkan lagi cara pemikiran masyarakat Melayu yang selama ini kurang dibincangkan secara saintifik.

Analisis Data

Data yang digunakan dalam kajian ini ialah sebanyak 63 buah peribahasa (Lihat Lampiran 1) yang dikelompokkan mengikut perlambangan seperti dalam Jadual 2.1.

Jadual 2.1: Bilangan Jenis Peribahasa Berdasarkan Perlambangan Imej

Bil.	Jenis Peribahasa	Jumlah
1.	Gabungan Perlambangan Imej Wanita dan Lelaki	16
2.	Perlambangan Imej Wanita	36
3.	Perlambangan Imej Lelaki	11
	Jumlah Peribahasa	**63**

Seterusnya jenis-jenis peribahasa ini dikelaskan kepada dua kategori, iaitu yang membawa maksud positif dan negatif seperti dalam jadual yang berikut:

Jadual 2.2: Bilangan Jenis Peribahasa Berdasarkan Perlambangan Imej Mengikut Maksud Positif dan Negatif

Bil.	Jenis Peribahasa	Maksud Negatif	Maksud Positif	Jumlah
1.	Gabungan Perlambangan Imej Wanita dan Lelaki	9	7	16
2.	Perlambangan Imej Wanita	9	27	36
3.	Perlambangan Imej Lelaki	9	2	11
	Jumlah Peribahasa			**63**

Berdasarkan jadual di atas, peribahasa perlambangan imej wanita lebih banyak mengandungi maksud negatif, manakala peribahasa perlambangan imej lelaki lebih menonjol dengan maksud positif. Bagi jenis peribahasa gabungan perlambangan imej wanita dan lelaki, maksud positif dan maksud negatif bagi peribahasa tersebut agak seimbang dan

Bab 7.pmd 169 10/6/2009, 3:16 PM

tidak begitu ketara perbezaannya. Jelas bahawa unsur seksisme wujud dalam maksud peribahasa Melayu.

Dalam peribahasa perlambangan imej wanita yang bermaksud negatif, kebanyakannya membawa maksud dan menggambarkan perempuan atau wanita sering berbuat jahat, mengingkari perintah suami, curang, perempuan selalu mencari atau menggoda lelaki, berkelakuan tidak senonoh seperti bercakap dengan suara yang kuat, ketawa dengan kuat, tidak pandai menjaga maruah diri, pemalas dan pengotor. Peribahasa yang bermaksud positif pula, perempuan itu digambarkan sebagai lemah lembut, cantik paras rupa dan pemalu. Bagi maksud peribahasa perlambangan imej lelaki yang bermaksud positif pula, mereka digambarkan sebagai golongan yang mulia, tangkas dan berani. Bagi maksud negatif, lelaki digambarkan sebagai pemarah, jahat, miskin dan hina.

Daripada 63 buah peribahasa yang telah dianalisis, terdapat 98 jenis perlambangan (Lihat Lampiran 2) yang digunakan bagi menggambarkan imej wanita dan lelaki dalam peribahasa Melayu seperti dalam Jadual 2.3 yang berikut:

Jadual 2.3: Bilangan Jenis Perlambangan yang Menggambarkan Imej Wanita dan Lelaki dalam Peribahasa Melayu

Jenis Perlambangan	Wanita		Lelaki	
	Bil	(%)	Bil	(%)
1. Benda / Alatan	23	41.07	13	30.23
2. Haiwan	14	25.45	25	58.14
3. Tumbuhan	14	25.45	2	4.65
4. Orang / Gelaran	4	7.27	3	6.98
Jumlah	**55**	**100**	**43**	**100**
Jumlah Keseluruhan	**98**			

Huraian Analisis Data

Bahagian ini akan memperlihatkan bagaimana penerapan Teori Relevans dapat menjelaskan imej wanita dan lelaki dalam peribahasa Melayu. Hanya enam peribahasa sahaja yang akan dihuraikan dalam bahagian ini. Apa yang bakal dicungkil ialah bagaimana masyarakat Melayu boleh mengaitkan pemilihan perlambangan pada peribahasa dengan maksud

Bab 7.pmd 170 10/6/2009, 3:16 PM

peribahasa itu sendiri. Huraian melibatkan tiga jenis peribahasa yang dikelompokkan mengikut perlambangan, iaitu gabungan perlambangan imej wanita dan lelaki, perlambangan imej wanita dan perlambangan imej lelaki.

Peribahasa Gabungan Perlambangan Imej Wanita dan Lelaki

Berikut merupakan contoh-contoh peribahasa yang menggunakan perlambangan haiwan dan tumbuhan bagi menggambarkan imej wanita dan lelaki. Perlambangan haiwan merujuk kepada *kumbang*, manakala perlambangan tumbuhan pula merujuk kepada *bunga*.

a. Hendak bersunting *bunga* yang belum diseri *kumbang*. (454)
   Maksud: Hendak beristerikan anak muda atau perawan muda.
b. *Bunga* yang layu tidak diseri oleh *kumbang*. (444)
   Maksud: Anak perempuan yang sudah tua tidak hendak dipinang orang.

Berdasarkan contoh-contoh peribahasa yang dipaparkan, didapati bahawa wanita digambarkan atau dilambangkan sebagai *bunga* dan lelaki pula sebagai *kumbang*. Persoalannya, mengapakah masyarakat Melayu memilih perlambangan *bunga* dan *kumbang* bagi menggambarkan imej wanita dan lelaki dalam sesebuah peribahasa?

Bunga dianggap sesuatu yang cantik dan indah terutamanya sewaktu sedang berkembang mekar. Dari segi konteks masyarakat Melayu, *bunga* sangat berkait rapat dalam kehidupan mereka. Misalnya, *bunga* dijadikan perhiasan di dalam rumah untuk menceriakan suasana dan keadaan. Pokok-pokok *bunga* seperti melur, kesidang, mawar dan pelbagai lagi ditanam di luar rumah atau di sekeliling rumah bertujuan untuk mewujudkan suasana yang indah dan mendamaikan.

Sifat fizikal *bunga* yang cantik, berbau harum dan berkembang mekar dikaitkan dengan keadaan fizikal wanita yang cantik, bersopan santun dan lemah lembut kelakuannya. Pembentukan kesan konteks terbina di sini dengan cara penguatan maklumat. Sifat fizikal *bunga* yang disamakan dengan keadaan fizikal seorang wanita telah menyebabkan berlakunya penguatan maklumat dan seterusnya membentuk kesan konteks. Penguatan maklumat berlaku apabila maklumat awal pada penutur dapat disahkan dengan apa yang berlaku pada persekitaran kognitif mereka.

Bab 7.pmd 171 10/6/2009, 3:16 PM

Selain daripada kesan konteks yang diperhatikan, usaha memproses maklumat juga mempunyai peranan yang penting. Perkataan *bunga* adalah mudah diproses yakni mudah difahami, dapat dikaitkan dengan persekitaran masyarakat Melayu serta bersifat manifestasi. Masyarakat Melayu tidak mempunyai masalah dengan perkataan *bunga* itu sendiri. Memandangkan kesan konteks tinggi dan usaha memproses maklumatnya rendah, maka masyarakat Melayu dapat menerima peribahasa ini. Jelas di sini bahawa sifat fizikal *bunga* itu telah disamakan dengan keadaan fizikal seorang wanita.

Namun begitu, dalam contoh peribahasa (b), *bunga* yang layu dikaitkan dengan anak perempuan atau anak dara yang telah tua atau lanjut usia. Keadaan *bunga* yang layu tidak menarik minat sesiapa yang memandangnya. *Bunga* yang layu tidak lagi berkembang mekar dan tidak berbau harum, seolah-olah telah hilang serinya.

Hal ini dapat dikaitkan dengan keadaan anak dara tua yang jarang dipinang orang. Apabila seseorang anak dara itu telah lewat umur, iaitu berumur melebihi 35 tahun, tetapi masih lagi tidak mendirikan rumah tangga, dia akan dianggap sebagai anak dara tua. Anak dara tua dapat disamakan dengan *bunga* yang layu kerana mereka jarang sekali dapat menarik minat lelaki untuk dijadikan isteri. Fizikal anak dara tua juga sudah tidak menarik kerana wajah mereka semakin dimamah usia.

Oleh yang demikian, terbukti bahawa keadaan fizikal *bunga* itu telah dikaitkan dengan imej wanita sama ada bersifat positif ataupun negatif. *Bunga* yang cantik, menarik, mekar dan mewangi disamakan dengan wanita yang anggun dan mempesonakan. Sebaliknya, *bunga* yang layu diibaratkan seperti seorang anak dara tua yang semakin meningkat usianya dan masih belum lagi mendirikan rumah tangga.

Seterusnya, kaum lelaki pula digambarkan atau dilambangkan sebagai *kumbang*. *Kumbang* merupakan sejenis serangga yang berkepak, berkulit keras dan merupakan serangga yang aktif dan sangat tangkas serta berkebolehan untuk terbang. Keaktifan, ketangkasan dan kebolehan *kumbang* untuk terbang ke merata-rata tempat dalam jarak jauh atau dekat dapat disamakan dengan sifat seorang lelaki yang kuat, gagah dan berani.

Kumbang dianggap sebagai serangga perosak kerana boleh memusnahkan tumbuhan dengan memakan daun dan mengorek kayu dan batang pokok. Kebolehan *kumbang* ini dapat disamakan dengan kekuatan, kegagahan dan keberanian lelaki. Ada juga kumbang seperti lebah yang boleh menghisap madu bunga. Dalam konteks masyarakat Melayu, tabiat semulajadi *kumbang* itu telah dikaitkan dengan sifat

Bab 7.pmd 172 10/6/2009, 3:16 PM

seseorang lelaki. Pemilihan perkataan *kumbang* berjaya membantu pendengar untuk memproses makna peribahasa ini dengan mudah.

Berdasarkan contoh-contoh peribahasa yang diberikan, wujud pertalian antara *bunga* dengan *kumbang* sebagaimana wujudnya pertalian antara wanita dengan lelaki. Pertalian antara wanita dengan lelaki ialah hubungan yang saling lengkap-melengkapi, begitu juga dengan *kumbang* dan *bunga*. *Kumbang* seperti lebah bergantung hidup dengan menghisap madu yang terdapat pada *bunga*. Ini merupakan hukum alam yang telah ditentukan.

Peribahasa Perlambangan Imej Wanita

Bagi contoh peribahasa ini, dua jenis perlambangan telah digunakan bagi menerangkan atau menggambarkan imej wanita, iaitu perlambangan jenis benda atau alatan dan perlambangan jenis haiwan. Perlambangan alatan merujuk kepada *sutera* dan *mastuli* manakala perlambangan haiwan pula merujuk kepada *kucing biang* seperti yang dapat dilihat dalam peribahasa berikut:

a. Jual *sutera* beli *mastuli*. (463)
   Maksud: Hal keuntungan seorang lelaki yang telah bercerai daripada isterinya yang baik kemudian beristeri pula seorang perempuan yang lebih baik.
b. Terjerit-jerit bagai *kucing biang*. (1662)
   Maksud: Perempuan yang tiada menyimpan diri dan suaranya.

Sutera merupakan sejenis kain yang diperbuat daripada benang sutera. Benang sutera ini lembut dan halus yang dihasilkan daripada ulat rama-rama. Dalam konteks masyarakat Melayu, kain sutera merupakan sejenis tekstil yang bermutu dan berkualiti tinggi jika dibandingkan dengan beberapa jenis kain yang lain seperti kain batik dan kain kasa. Kebiasaannya, kain sutera sangat mahal harganya dan sering dipakai oleh kaum wanita. *Mastuli* pula ialah sejenis kain sutera yang kasar dan kuat, yakni sejenis kain sutera yang lebih baik kualitinya dan bermutu tinggi.

Kain sutera dan mastuli ini digunakan sebagai perlambangan imej wanita kerana kedua-dua entiti ini merupakan sesuatu yang indah dan menarik. Biasanya, warna kain sutera sangat menarik dan tidak pudar. Kain ini juga sangat lembut apabila disentuh dan amat selesa apabila dipakai. Keindahan dan kelembutan kain ini dapat disamakan dengan keindahan fizikal dan kelembutan keperibadian wanita. Keindahan dan kualiti yang baik menyebabkan kain ini menjadi pilihan untuk dijadikan

Bab 7.pmd 173 10/6/2009, 3:16 PM

pakaian dan sebagainya. Jelas bahawa, ciri-ciri fizikal kain sutera yang indah, lembut dan menarik ini telah disamakan dengan ciri fizikal wanita yang cantik, bersopan santun dan lemah lembut kelakuannya.

Seterusnya, dalam masyarakat Melayu, *kucing biang* dianggap sebagai kucing yang gatal. Gatal dalam konteks ini merujuk kepada kelakuan dan pergerakan kucing yang bertujuan untuk menarik perhatian pasangannya, bukannya gatal pada bahagian kulit. Salah satu cara kucing biang menarik perhatian pasangannya adalah dengan mengeluarkan bunyi suara yang kuat dan nyaring serta dilakukan secara berulang-ulang kali. Ini menimbulkan suasana yang bising dan kurang menyenangkan.

Dalam budaya Melayu, sungguh tidak sopan dan melanggar batas susila sekiranya seorang perempuan berkelakuan menggoda dan melakukan perkara yang negatif, bertujuan untuk menarik perhatian golongan lelaki. Perbuatan seorang perempuan yang menggoda ini disamakan dengan tabiat kucing biang. Kelakuan perempuan menggoda yang suka menonjolkan diri dengan pakaian yang menjolok mata, ketawa yang dibuat-buat dan tingkah laku yang tidak sopan dilambangkan dengan kelakuan kucing biang yang berunsur negatif. Kelakuan dan perbuatan seperti ini tidak boleh diterima dalam masyarakat Melayu kerana perempuan yang berperangai tidak sopan seperti ini dianggap tidak pandai menjaga maruah dan keperibadian diri.

Peribahasa Perlambangan Imej Lelaki

Berikutnya dua lagi contoh peribahasa yang menggambarkan imej lelaki.

a. Deras seperti *anak panah*. (1660)
   Maksud: Rupa kehebatan langkah pencak seorang hulubalang tatkala menarikan pedang di tengah gelanggang.
b. Terlepas daripada *babi gemuk* terpeluk *anjing kurap*. (466)
   Maksud: Perihal kemalangan seorang perempuan, terutamanya perempuan jalang, terlepas daripada kekasihnya yang hina tetapi kaya, dapat pula seorang abdi yang terbuang serta miskin dan hina.

Anak panah digunakan dengan panah atau busur, iaitu sejenis alat yang kedua-dua hujungnya direntangi dengan tali dan boleh dilenturkan untuk melancarkan anak panah. Kedua-dua alat ini sering digunakan sebagai senjata atau alat dalam peperangan, perburuan binatang liar, sukan, dan lain-lain lagi. Tingkah laku seorang hulubalang yang merupakan seorang lelaki disamakan dengan kelajuan arah sasaran anak panah apabila dilancarkan daripada panah.

Bab 7.pmd 174 10/6/2009, 3:16 PM

Pancaran anak panah selalunya diarahkan tepat dengan sasarannya. Momentum dan halaju anak panah yang disasarkan itu adalah tinggi dan sangat laju. Kelajuan anak panah yang menuju ke sasarannya dengan halaju yang tinggi boleh menimbulkan kecederaan atau kerosakan yang teruk kepada sasaran. Ini dapat disamakan dengan ketangkasan, keberanian dan kegagahan seseorang hulubalang itu. Apabila semakin tangkas seseorang hulubalang itu, maka semakin ramailah musuh yang dapat ditewaskannya. Dapat disimpulkan bahawa, kelajuan atau kederasan anak panah yang ditujukan ke arah sasarannya itu telah disamakan dengan ketangkasan dan kegagahan seorang hulubalang semasa menghadapi musuh.

Seterusnya, dalam contoh peribahasa (b), kaum lelaki digambarkan dengan imej yang berkonotasi negatif, iaitu sebagai *babi gemuk* dan *anjing kurap*. Dalam maksud peribahasa tersebut, *babi gemuk* disamakan dengan seorang lelaki yang hina tetapi kaya. Sementara itu, *anjing kurap* pula ialah gambaran seorang lelaki yang miskin dan hina.

Masyarakat Melayu menganggap seekor babi sejenis haiwan yang jijik dan hina. Dalam ajaran Islam yang kuat dipegang oleh orang Melayu, babi dianggap sebagai binatang yang haram disentuh apatah lagi untuk dimakan. Begitu juga dengan anjing. Anjing juga sama tarafnya dengan babi, iaitu haiwan yang sungguh hina, najis, menjijikkan dan haram disentuh oleh orang Melayu.

Seekor babi yang gemuk, memiliki daging yang banyak dan sihat tubuh badan dianggap sebagai satu unsur kemewahan atau kekayaan. Logiknya, sekiranya babi gemuk ini diternak dan dijual, maka keuntungan yang diperoleh berlipat kali ganda. Tetapi binatang ini tetap dipandang hina oleh masyarakat Melayu. Oleh sebab itulah, lelaki yang kaya tetapi hina digambarkan sebagai babi yang gemuk berdasarkan persekitaran kognitif masyarakat Melayu. Tambahan pula, sekiranya sumber kekayaan yang dimiliki oleh seseorang lelaki itu diperoleh secara haram melalui penipuan, rompakan, perjudian dan sebagainya maka semakin hina taraf lelaki tersebut walaupun dia memiliki harta yang banyak.

Oleh kerana anjing sama tarafnya dengan babi, maka kedua-duanya juga dipandang hina dalam masyarakat Melayu. Kita dapat membayangkan bagaimana keadaan anjing kurap yang terdapat di tepi jalan atau di mana-mana sahaja. Anjing kurap yang terbiar tidak bertuan, keadaan fizikal yang kurus, dan berkudis di seluruh badan tidak berani dihampiri oleh sesiapa. Maka, keadaan anjing kurap ini disamakan dengan nasib seorang abdi yang terbuang serta miskin dan hina seperti yang digambarkan dalam contoh peribahasa yang diberikan.

Bab 7.pmd 175 10/6/2009, 3:16 PM

Kesimpulan

Setelah melihat unsus-unsur seksisme dalam maksud peribahasa dan perlambangan yang digunakan dalam peribahasa yang menggambarkan imej wanita dan lelaki, beberapa dapatan telah diperoleh. Berdasarkan contoh-contoh perlambangan yang terdapat dalam peribahasa yang telah dianalisis, didapati bahawa terdapat dua jenis perlambangan, iaitu perlambangan yang berkonotasi positif dan perlambangan yang berkonotasi negatif yang dikategorikan kepada alatan, haiwan, tumbuhan dan orang atau gelaran.

Secara keseluruhannya, peribahasa perlambangan imej wanita lebih banyak mengandungi maksud negatif. Sebaliknya pula, peribahasa perlambangan imej lelaki lebih menonjol dengan maksud positif. Jelas bahawa unsur seksisme wujud dalam maksud peribahasa Melayu. Dalam peribahasa perlambangan imej wanita yang bermaksud negatif, kebanyakannya membawa maksud dan menggambarkan perempuan atau wanita yang jahat, curang, berkelakuan tidak senonoh, tidak pandai menjaga maruah diri, pemalas dan pengotor.

Dapat dibuktikan juga bahawa unsur seksisme tidak begitu ketara atau tidak begitu menonjol bagi jenis perlambangan yang digunakan dalam peribahasa Melayu. Misalnya, dalam perlambangan imej lelaki dan wanita, anjing digunakan dalam kedua-dua peribahasa yang mengaitkan kedua-dua jantina ini. Anjing dalam konteks masyarakat Melayu mempunyai unsur yang negatif. Dalam hal ini, unsur seksisme tidak begitu ketara dan didapati agak seimbang dalam menggambarkan imej lelaki dan wanita.

Rumusannya, berdasarkan analisis yang menggunakan pendekatan Hymes dan Teori Relevans, masyarakat Melayu telah berjaya melihat kepada persekitaran sekeliling mereka dan pengalaman hidup mereka dalam membina dan memilih perlambangan yang sesuai dalam sesebuah peribahasa. Ini membuktikan bahawa, masyarakat Melayu merupakan sebuah masyarakat yang kreatif kerana dapat menyesuaikan perlambangan yang dikaitkan dengan persekitaran kognitif mereka ke dalam sesebuah peribahasa.

Bab 7.pmd 176 10/6/2009, 3:16 PM

Rujukan

Abdullah Hussin (1975). *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ariffin Nur (1971). *Sastera Melayu Klasik*. Kelantan: Pustaka Aman Press.

Asmah Omar (1992). *The Linguistic Scenery in Malaysia*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Omar (1993). *Language and Society in Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Omar (2002). *Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Darus Ahmad (1974). *Persuratan Melayu: Lama-Baru*. Pulau Pinang: Sinaran.

Fasold, R. (1984). *The Sosiolinguistics of Society*. New York: Basil Blackwell.

Holmes, J. (2001). *An Introduction to Sosiolinguistics (2nd edition)*. London: Longman.

Hudson, R. A. (1980). *Sosiolinguistics*. London: Cambridge University Press.

Ishak Ramly (1990). Perkembangan Peribahasa dalam Bahasa Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa* **34**(1): 54-61.

Janet Wong May Chin (1992). Bahasa Seksis dalam Pengiklanan. *Jurnal Dewan Bahasa* **36**(4): 346-353.

Kamus Dewan Edisi Keempat (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Afif Abidin (1998). Aspek Sosiolinguistik dalam Konteks Malaysia. *Jurnal Dewan Bahasa* **42**(1): 81-87.

Nathesan, S. (1989). Keindahan Simpulan Bahasa dalam Masyarakat Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa* **1**(1): 64-69.

Nathesan, S. (1994). Jantina dalam Bahasa. *Pelita Bahasa* **17**(6): 36-37.

Norain Nordin (2000). Bahasa Seksis dalam Peribahasa Melayu: Satu Penerapan Teori Relevans. Tesis Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nor Hashimah Jalaluddin (1991). Keimplisitan Ujaran: Satu Analisis Teori Relevans. *Jurnal Dewan Bahasa* **35**(6): 474-483.

Nor Hashimah Jalaluddin (1992). *Semantik dan Pragmatik: Satu Pengenalan*: Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Bab 7.pmd 177 10/6/2009, 3:16 PM

Nor Hashimah Jalaluddin (1998). Bahasa, Sosialisasi dan Kognitif: Satu Pendekatan Teori Relevans. *Jurnal Dewan Bahasa* **42**(12): 1084-1093.

Nor Hashimah Jalaluddin (2003). *Bahasa dalam Perniagaan: Satu Analisis Semantik dan Pragmatik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rajend Mesthrie, Joan, S, Andrea, D, William, L. L. (2000). *Introducing Sosiolinguistic*. Edinburgh: Edinburgh University Press.

Rohana Yusof (2003). *Penyelidikan Sains Sosial*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.

Roksana Bibi Abdullah (1998). Unsur-unsur Seksis dalam Bahasa Melayu. *Dewan Bahasa* **42**(10): 913-921.

Teo Kok Seong (1995). Bahasa Perempuan dan Bahasa Lelaki. *Pelita Bahasa*: 41-42.

Teo Kok Seong (1996. Bahasa Seksis: Bahasa Yang Memberi Sangkaan Buruk tentang Sesuatu Jantina. *Pelita Bahasa* **8**(1): 42-43.

Teo Kok Seong (1996). Adakah Peribahasa Melayu Bersifat Seksis? *Pelita Bahasa* **8**(6): 25-27.

Teo Kok Seong (1998). Teori Penelitian Linguistik: Kes Sosiolinguistik. *Dewan Bahasa* **42**(1): 59-67.

Troike, M. S. (1991). *Etnografi Komunikasi: Suatu Pengenalan*. Terj. Ajid Che Kob. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Trudgill, P. (1978). *Sosiolinguistik: Satu Pengenalan*. Terj. Nik Safiah Karim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zainal Abidin Ahmad (Za'ba) (1965). *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

ROZAIMAH RASHIDIN & NORIZA DAUD, Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. Mereka boleh dihubungi melalui e-mail eyza122000@yahoo.com

Bab 7.pmd 178 10/6/2009, 3:16 PM

Lampiran 1

Jadual 1: Peribahasa Gabungan Perlambangan Imej Wanita dan Lelaki

Bil	Peribahasa	Maksud Positif
1.	Seperti cincin dengan permata. (440)	Ibaratnya berpatutan dua orang laki isteri yang sama elok keduanya.
2.	Ibarat dakwat dengan kertas bila boleh renggang terlepas. (446)	Peri kedampingan dua orang berkasih-kasihan, terutamanya suami isteri.
3.	Hendak bersunting bunga yang belum diseri kumbang. (454)	Hendak beristerikan anak muda dan perawan muda.
4.	Bunga tidak seekor, bunga tidak sekaki. (459)	Lelaki bukan seorang, perempuan pun bukan seorang.
5.	Apa gunanya bunga di taman jika tidak diberi diseri kumbang. (443)	Apa gunanya memelihara anak perempuan jika hendak diberi bersuami.
6.	Sesangkar dua burung. (477)	Seorang beristeri dua disimpannya dalam sebuah rumah.
7.	Seperti pinang pulang ke tampuk. (470)	Seorang yang telah bercerai laki isteri kemudian berbaik pula.
8.	Seperti sirih pulang ke gagang. (471)	Seorang yang telah bercerai laki isteri kemudian berbaik pula.
9.	Bunyi semacam kumbang menyeri bunga. (166)	Bunyi tuturan yang lemah lembut di antara laki-laki dengan perempuan pingitan antara kedengaran dengan tidak.
Bil	**Peribahasa**	**Maksud Negatif**
1.	Seperti anjing dengan kucing. (457)	Selalu berbantah (kerap pada orang laki bini yang tidak bersetuju).
2.	Anak kunci jahat, peti derhaka. (464)	Kejahatan suami itu kelak menyebabkan isterinya melawan dia.
3.	Bagaimana tidak kumbang jinak terbang beredar jika tidak kerana bunga kembang di taman itu. (442)	Bila terdengar khabar bahawa sebuah rumah itu ada menyimpan anak perawan banyaklah orang muda-muda suka lalu-lalang pada rumah itu.

Bab 7.pmd 179 10/6/2009, 3:16 PM

Bil	Peribahasa	Maksud Negatif
4.	Ikan gantung kucing tunggu. (454)	Barang di mana ada perawan adalah teruna terhendap-hendap di sana.
5.	Bagai kucing dengan panggang. (455)	Di antara lelaki dan wanita tiadalah boleh dipercayai berhampiran.
6.	Pantang ayam dengan helang lambat laun disambarnya juga. (456)	Perempuan muda dengan lelaki-lelaki teruna janganlah dicampurkan jika jaga sekalipun kerana bila orang leka adalah khabarnya kelak.
7.	Ayam ditambat disambar helang. (479)	Isteri seseorang atau tunangnya dilarikan orang lain.

Jadual 2: Peribahasa Perlambangan Imej Wanita

Bil	Peribahasa	Maksud Positif
1.	Kalau bunga bukan sekuntum. (458)	Perempuan bukan seorang sahaja, banyak yang lain lagi.
2.	Jika bunga tak hendak dipersunting, boleh dibuat paksi kain. (470)	Seseorang perempuan yang baik budi pekertinya itu, jika tidak berkenan kita beristeri akan dia sebab umurnya lebih ataupun tidak elok paras, boleh juga diperisterikan juga.
3.	Bunga tengah kembang di taman baunya merebak ke mana-mana. (441)	Jika ada orang beranak perempuan yang elok rupanya, pecahlah khabar ke mana-mana.
4.	Sayang bunga layu di pohon. (445)	Kasihan melihat seorang perempuan dara itu sehingga tua tidak bersuami.
5.	Jual sutera, beli mastuli. (463)	Hal keuntungan seorang lelaki yang telah bercerai daripada isterinya yang baik kemudian beristeri pula seorang perempuan yang lebih baik.
6.	Seperti janda belum berlaki. (1683)	Seorang perempuan yang pesolek tetapi pemalu.
7.	Seperti emas baharu disepuh. (1647)	Peri keelokan seseorang terutamanya perempuan.

Bab 7.pmd 180 10/6/2009, 3:16 PM

Bil	Peribahasa	Maksud Positif
8.	Bagai ayam mengeram telur. (1648)	Peri keelokan merah cahaya muka perempuan.
9.	Bagai bulan penuh mengambang di kaki awan. (1649)	Peri keelokan seorang perempuan tatkala keluar dari rumahnya hendak berjalan.
Bil	**Peribahasa**	**Maksud Negatif**
1.	Bunga yang layu tidak diseri oleh kumbang. (444)	Anak perempuan yang sudah tua tak hendak dipinang orang.
2.	Juadah sudah dijilat cicak. (457)	Perempuan yang sudah melakukan kejahatan di dalam sulit.
3.	Lesung mencari alu. (461)	Perempuan mencari lelaki.
4.	Telaga mendapatkan timba. (462)	Perempuan mencari lelaki.
5.	Ulam mencari sambal. (463)	Perempuan mencari lelaki.
6.	Kepala rebah mata melayang, bantal bangkit main wayang. (442)	Perempuan yang berbuat kejahatan pada ketika suaminya lepa.
7.	Mata tidur bantal berjaga. (443)	Perempuan yang berbuat kejahatan pada ketika suaminya lepa.
8.	Mata pejam, bantal membuat ragam. (444)	Perempuan yang berbuat kejahatan pada ketika suaminya lepa.
9.	Enau sebatang, dua siginya. (446)	Seorang perempuan yang menduakan lakinya.
10.	Pelesit dua sejinjang. (447)	Seorang perempuan yang menduakan lakinya.
11.	Gajah seekor gembala dua. (448)	Seorang perempuan yang menduakan lakinya.
12.	Perahu satu dua nakhodanya. (449)	Seorang perempuan yang menduakan lakinya.
13.	Labu dikerbuk tikus. (447)	Kerosakan yang besar bagi perempuan pingitan yang tidak boleh diperbaiki balik.
14.	Seperti anjing yang sudah biasa makan tahi bagaimana sekalipun diberi makan yang baik hendak juga memakan tahi. (450)	Seorang perempuan yang biasa membuat kejahatan itu payah hendak menghilangkan tabiatnya itu jika bagaimana pun diajar.

Bab 7.pmd 181 10/6/2009, 3:16 PM

Bil	Peribahasa	Maksud Negatif
15.	Kain dalam acar dikutip dicuci, dia hendak ke longkang juga. (451)	Seorang perempuan yang biasa membuat kejahatan itu walau bagaimana sekalipun diajar baik tak akan hilang tabiatnya yang jahat itu.
16.	Umpama buah kepayang, dimakan mabuk, dibuang sayang. (455)	Umpama seorang perempuan yang elok rupanya tetapi jahat pekertinya, dibuang sayang kerana keelokannya, tiada dibuang sakit hati kerana kejahatannya.
17.	Kain lama dicampak dibuang, kain baru pula dicari. (461)	Seorang yang bercerai dengan isterinya kerana jemu lalu beristeri lain pula.
18.	Buang daun keladi berselimut daun birah. (462)	Hal kemalangan seorang yang telah bercerai dengan isterinya yang jahat pekerti, ternikah pula kepada seorang perempuan yang terlebih jahat.
19.	Bagai anak dara sudah berlaki. (1681)	Anak perempuan yang tidak pemalu serta pemalas dan pengotor dan lagi panjang mata.
20.	Seperti gadis sudah berlaki. (1682)	Anak perempuan yang tidak pemalu serta pemalas dan pengotor dan lagi panjang mata.
21.	Menggeletik-geletik seperti udang dalam tangguk. (1688)	Melompat-lompat kerana kesukaan (terutamanya kanak-kanak dan perempuan muda yang tidak menyimpan malunya kerana kesukaan).
22.	Cik puan melangkah ular tak lepas. (1693)	Kelemahan perempuan dan pendek perjalanannya.
23.	Menghinggut bagai itik pulang petang. (1696)	Gaya perjalanan seorang yang sangat gemuk terutama perempuan.
24.	Seperti tikus masuk kapur. (1654)	Rupa perempuan yang hitam berbedak.
25.	Seperti kuar memekik di puncak gunung. (1661)	Perempuan yang gemar bertutur dengan suara yang kuat.

Bab 7.pmd 182 10/6/2009, 3:16 PM

Bil	Peribahasa	Maksud Negatif
26.	Terjerit-jerit bagai kucing biang. (1662)	Perempuan yang tiada menyimpan diri dan suaranya.
27.	Bagai bertih dalam kuali. (1665)	Bunyi suara perempuan dan kanak-kanak yang sangat petah dan terlalu kuat.

Jadual 3: Peribahasa Perlambangan Imej Lelaki

Bil	Peribahasa	Maksud Positif
1.	Hilang pelanduk, berganti kijang emas. (465)	Menunjukkan keuntungan seorang perempuan yang telah bercerai mati atau hidup daripada suaminya yang hina dan miskin, kemudian bersuamikan seorang yang mulia.
2.	Bagai gelombang dua belas. (1654)	Rupa kehebatan langkah pencak seorang hulubalang atau pendekar tatkala menarikan pedang di tengah gelanggang (medan perang).
3.	Seperti helang menyongsong angin. (1655)	Rupa kehebatan langkah pencak seorang hulubalang atau pendekar tatkala menarikan pedang di tengah gelanggang (medan perang).
4.	Bagai kucing main daun. (1656)	Rupa kehebatan langkah pencak seorang hulubalang atau pendekar tatkala menarikan pedang di tengah gelanggang (medan perang).
5.	Bagai tupai bergelut. (1657)	Rupa kehebatan langkah pencak seorang hulubalang atau pendekar tatkala menarikan pedang di tengah gelanggang (medan perang).
6.	Deras seperti anak panah. (1660)	Rupa kehebatan langkah pencak seorang hulubalang atau pendekar tatkala menarikan pedang di tengah gelanggang (medan perang).
7.	Bagai belut digetir ekor. (1662)	Rupa kehebatan langkah pencak seorang hulubalang atau pendekar tatkala menarikan pedang di tengah gelanggang (medan perang).

Bab 7.pmd 183 10/6/2009, 3:16 PM

Bil	Peribahasa	Maksud Positif
8.	Seperti pelanduk terlepas jerat. (1663)	Rupa kehebatan langkah pencak seorang hulubalang atau pendekar tatkala menarikan pedang di tengah gelanggang (medan perang).
Bil	**Peribahasa**	**Maksud Negatif**
1.	Terlepas daripada rahang harimau, termasuk dalam rahang buaya. (464)	Menunjukkan keuntungan seorang perempuan yang telah bercerai daripada suaminya yang pemarah dan jahat lakunya kemudian kahwin kepada seorang lain yang bertabiat semacam itu juga.
2.	Terlepas daripada babi gemuk terpeluk anjing kurap. (466)	Perihal kemalangan seorang perempuan, terutamanya perempuan jalang, terlepas daripada kekasihnya yang hina tetapi kaya, dapat pula seorang abdi yang terbuang serta miskin dan hina.

Bab 7.pmd 184 10/6/2009, 3:16 PM

Lampiran 2

Jadual 4: Jenis-Jenis Perlambangan yang Menggambarkan Imej Wanita dan Lelaki dalam Peribahasa Melayu

Jenis Perlambangan	Wanita		Lelaki	
	Jenis	**Bil.**	**Jenis**	**Bil.**
1. Benda/Alatan	Bantal	4	Mata	2
	Kain	3	Cincin	1
	Sutera	1	Dakwat	1
	Mastuli	1	Anak Kunci	1
	Emas	1	Alu	1
	Bertih	1	Timba	1
	Peti	1	Sambal	1
	Panggang	1	Kepala	1
	Juadah	1	Gelang	1
	Lesung	1	Gelombang	1
	Telaga	1	Sangkar	1
	Ulam	1	Anak Panah	1
	Perahu	1		
	Tampuk	1		
	Gagang	1		
	Permata	1		
	Kertas	1		
	Bulan	1		
	Jumlah	**23**	**Jumlah**	**13**
2. Haiwan	Ayam	3	Kumbang	8
	Burung	2	Helang	3
	Kucing	2	Anjing	2
	Pelesit	1	Kucing	2
	Gajah	1	Pelanduk	2
	Anjing	1	Tikus	2
	Udang	1	Harimau	1
	Itik	1	Buaya	1
	Tikus	1	Kijang Emas	1
	Ikan	1	Babi Gemuk	1
			Tupai	1
			Belut	1
	Jumlah	**14**	**Jumlah**	**25**

Bab 7.pmd 185 10/6/2009, 3:16 PM

Jenis Perlambangan	**Wanita**		**Lelaki**	
	Jenis	**Bil.**	**Jenis**	**Bil.**
3. Tumbuhan	Bunga Buah Kepayang Daun Keladi Daun Birah Labu Enau	9 1 1 1 1 1	Pinang Sirih	1 1
	Jumlah	**14**	**Jumlah**	**2**
4. Orang/Gelaran	Anak Dara Gadis Janda Cik Puan	1 1 1 1	Jinjang (Ketua) Gembala Nakhoda	1 1 1
	Jumlah	**4**	**Jumlah**	**3**
Jumlah Keseluruhan	**55**		**43**	

Bab 7.pmd 186 10/6/2009, 3:16 PM